

08/10/1997

Dua dewan sokong PM hadapi pergolakan

Azizi Othman

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), menyokong penuh tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi pergolakan ekonomi semasa.

Presiden DPMM yang juga Presiden NCCIM, Tan Sri Tajudin Ramli, berkata kedua-dua anggota dewan berkenaan juga sudah menyatakan komitmen mereka terhadap perkara terbabit kepada Perdana Menteri.

Selain itu katanya, sebagai seorang tokoh korporat yang menerajui Penerbangan Malaysia (MAS) dan kumpulan TRI-Celcom, beliau sendiri sudah menyatakan komitmen peribadinya menyokong kepemimpinan Dr Mahathir.

Sambil menyifatkan apa yang berlaku sekarang sebagai "peperangan yang medannya tidak didefinisikan" beliau berkata, kini adalah masanya untuk semua pihak memberi sokongan padu kepada kepemimpinan Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi Ceramah Usahawan anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama ialah Menteri berkenaan, Datuk Mustapa Mohamed dan timbalanya Idris Jusoh.

Tajudin juga berkata, semua pihak perlu menyokong usaha yang dilaksanakan Perdana Menteri untuk memastikan kemerdekaan negara tidak diganggu gugat oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, beliau menyarankan supaya semua pihak mengembleng tenaga dan sumber untuk membantu negara menangani sebarang ancaman terhadap ekonomi yang melanda kebelakangan ini.

"Dalam soal ini, keuntungan korporat bukanlah sesuatu yang perlu diutamakan, malah apa yang lebih penting ialah komitmen penuh untuk mengekalkan kestabilan ekonomi di Malaysia."

"Kita kini memerlukan perubahan pemikiran dan tidak membenarkan dipengaruhi oleh Barat yang cuba menggembar-gemburkan pelbagai sentimen negatif mengenai ekonomi negara," katanya.

Ditanya mengenai kesan perkembangan semasa seperti jerebu dan penurunan nilai ringgit terhadap MAS, Tajudin berkata, ia memang memberikan impak tetapi ia bukanlah persoalan pokok dalam keadaan negara dilanda kemelut.

"Soal keuntungan atau kerugian beberapa ringgit tidak harus timbul ketika ini sebaliknya yang penting ialah memastikan negara dalam keadaan yang baik dan tidak menjejaskan rakyat," katanya.

(END)